

Menembak, berniaga dalam satu masa

Oleh ZAZALI JAMIAN
sukan@utusan.com.my

PENGARUH fesyen boleh dikatakan amat kuat hingga mampu menarik minat sesiapa sahaja. Tarikan fesyen umpama besi berani tanpa mengira golongan untuk mengikuti perkembangan gaya pemakaian bagi memastikan sentiasa kelihatan cantik.

Malah, ada juga individu sanggup berbelanja besar agar penampilan diri sentiasa seiring dengan fesyen terkini.

Bagi atlet menembak negara, Wahidah Ismail minat yang mendalam terhadap fesyen tidak mendorongnya untuk menjadi seorang yang boros ketika berbelanja, sebaliknya gadis dari Perak ini bijak memanfaatkan fesyen sebagai perniagaan buatnya.

Wahidah yang selesa menjalankan perniagaan secara dalam talian melalui promosi pada laman sosial seperti blog dan laman



ANTARA aksesori wanita yang dijual menerusi tempahan secara online.



WAHIDAH bermula untuk meringankan beban keluarga.

INFO

WAHIDAH ISMAIL

Tarikh lahir :

31 Ogos 1990

Usia: 22 tahun

Berat: 47kg

Tinggi: 150cm

Asal - Setiawan, Perak

Acara - 10m Air Pistol Wanita

Pencapaian

- Emas, Kejohanan SEASA, Kuala Lumpur 2012
- Emas, Kejohanan SEASA, Jakarta 2010
- Emas, Sukan Malaysia, Melaka 2010
- Emas, Festival Olimpik Remaja Australië, Sydney 2009.
- Gangsa, Sukan Komanwel Remaja, Pune India 2008.

SantaiAtlet

sosial, Facebook mengakui minat terhadap fesyen telah membantunya memperoleh duit poket sendiri sekali gus membantu meringankan beban kedua ibu bapanya.

Mula berjinak-jinak dalam perniagaan pakaian dan tudung sejak tahun lalu kini Wahidah mampu memperoleh pendapatan mencécah RM300 seminggu.

Sungguhpun pendapatan yang diperoleh kadang-kala tidak begitu konsisten, Wahidah tetap bersyukur kerana keuntungan yang diraih sentiasa melebihi modal dikeluarkan.

Wahidah yang kini menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang perakaunan turut memberitahu, perniagaan yang diceburi kini sudah menjadi aktiviti di waktu lapangnya jika tidak terikat dengan latihan dan kejohanan.

Menurut Wahidah, mereka yang berminat untuk melihat barang yang dijual boleh melayari ilovethezeed.blogspot.com atau www.facebook.com/the zeed.

"Kepuasan juga lebih dirasai melalui perniagaan ini tambahan jika dapat melihat barang yang dijual laris."

"Barangan yang saya jual biasanya dalam harga yang berpatutan iaitu sekitar RM25 hingga RM80 dan mampu dimiliki kerana kebanyakan pelanggan adalah di kalangan pelajar."

"Sebagai atlet kadang-kala saya tidak mempunyai banyak masa yang terluang kerana sibuk dengan jadual sebagai atlet dan pelajar, namun saya tetap cuba memastikan ada masa diluangkan walaupun sekejap untuk perniagaan ini."

"Saya juga tidak merasakan perniagaan sebegini membebangkan saya kerana jika kita pandai menguruskan masa sudah tentu tiada masalah."

"Malah, kedua ibu bapa saya juga menyokong perniagaan saya ini di samping banyak membantu terutama berkaitan modal yang diperlukan untuk membeli stok barangan dalam kuantiti banyak," kata Wahidah.

Selain mempunyai perniagaan baju dan tudung Wahidah, turut

mempunyai koleksi aksesori gelang tangan wanita yang mempunyai pelbagai warna menarik.

"Saya suka benda yang berwarna-warni kerana ia membuatkan saya lebih berkeyakinan apabila memakainya."

"Jika kebanyakan orang gemar aksesori yang nampak comel tetapi tidak bagi saya yang suka kepada barangan berbentuk unik seperti aksesori wanita berbentuk gitar," ujarnya.

Sementara itu, Wahidah yang cemerlang sewaktu bersama skuad menembak remaja kebangsaan menanam impian untuk layak beraksi pada Sukan SEA 2013 di Myanmar.

Bagi memastikan impian itu menjadi kenyataan, gadis ini berazam mahu memperbaiki prestasinya pada Kejohanan Menembak Kebangsaan yang akan berlangsung dari 20 hingga 23

September ini
di Lapang
Sasar
Menembak
Subang.

